

Thailand secara aktif mempromosikan industri pelancongan mampan



Editor Eksekutif Travel Impact Newswire, Imtiaz Muqbil, menyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Mulia Raja Bhumibol Adulyadej memberikan sumbangan besar dalam pengembangan pelancongan mampan di Thailand dengan memberi kuasa kepada masyarakat setempat, serta mengekalkan sumber persekitaran dan alam semula jadi.

Dalam ucapan khasnya bertajuk "Thailand: The Greatest Story in Global Tourism History," yang dianjurkan baru-baru ini oleh Jabatan Penerangan, Kementerian Luar Negeri, Encik Muqbil menghargai usaha Thailand menerapkan pendekatan ini, disamping menonjolkan pelancongan mampan sebagai keutamaan.

Beliau menyatakan bahawa industri pelancongan Thailand berkembang dengan pesat sejak ia ditubuhkan pada 60 tahun yang lalu. Pada tahun 2019, Thailand berharap dapat mengalih-alukan 40 juta pelancong antarabangsa, sering dikaitkan dengan layanan yang baik. Thailand terletak di lokasi yang strategi di pusat Asia Tenggara, membolehkan hubungan infrastruktur dan pengangkutan yang selesa dengan negara-negara di rantau ini.

Malah, katanya, Thailand telah membangun skim pemasaran cerdik untuk mempromosikan pelancongan, yang membantu menarik kemasukan sejumlah besar pelancong, dari tahun ke tahun. Thailand juga sangat kreatif dalam menggunakan pelancongan sebagai jambatan untuk meningkatkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain.

Pendekatan Encik Muqbil dalam mempromosikan industri pelancongan mampan di Thailand menekankan pelancongan berkualiti yang melibatkan tiga aspek utama, iaitu keselamatan, sekuriti dan kelestarian.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Busadee Santipitaks, mengatakan bahawa Thailand secara aktif mempromosikan Prinsip Ekonomi Mendiri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, yang jelas berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Mampan PBB, di Asia Tenggara, Amerika Latin, dan Afrika.

Selain itu, katanya, Thailand, sebagai Ketua ASEAN pada tahun 2019, sepanjang kepimpinannya, telah mempromosikan tema "Advancing Partnership for Sustainability." Ini mencerminkan komitmen Thailand dalam mempromosikan pembangunan mampan dalam semua dimensi dan berkaitan dengan industri pelancongan. Pelancongan mampan akan memungkinkan pertumbuhan yang lebih inklusif dan pengagihan pendapatan yang sama di seluruh negara, dengan memberi kuasa kepada masyarakat tempatan keseluruhannya.

Perwakilan dari kor diplomatik, agensi kerajaan yang berkaitan, usahawan dalam industri pelancongan, dan akademik dari universiti dan institusi pendidikan turut serta dalam acara ceramah khas itu.